

Analisis Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam secara Interaktif MOOC dalam Suasana Pandemik Covid-19

BITARA

Volume 4, Issue 4, 2021: 001-014
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

An Analysis Student Acceptance of Islamic Education through Interactive MOOC Learning during Covid-19 Pandemic

Azarudin Awang,^{1*} Ruhaizah Abd Ghani, Farah Safura Muhammad, Rubiah Abu Bakar & Noor Hasyimah Sulaiman

Abstrak

Secara tradisinya, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka di dalam kelas menjadi pilihan utama dalam sistem pendidikan Malaysia sama ada di sekolah atau IPT. Penularan pandemik Covid-19 telah merubah landskap sistem pendidikan di Malaysia daripada bersifat bersemuka kepada pembelajaran secara maya. Namun perubahan yang drastik terhadap gaya PdP ini bukan sahaja memberi cabaran baru kepada pensyarah malah kepada pelajar. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan dan penerimaan pelajar terhadap kursus pendidikan Islam melalui PdP MOOC di UiTM Terengganu semasa Malaysia berhadapan pandemik Covid-19. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan borang soal selidik diedarkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ISC 100 (Akidah Islamiyah). Selanjutnya data di analisis menggunakan SPSS 22 dengan ujian min, sisihan piawai bagi melihat persepsi, sikap dan keberkesanan pelajar dalam PdP menggunakan MOOC kursus ISC 100. Hasil kajian mendapat bahawa persepsi, sikap dan keberkesanan pelajar dalam PdP menggunakan MOOC adalah tinggi. Penggunaan aplikasi rakaman video, power point bersifat audio dan youtube yang berkaitan topik dalam pembelajaran bersifat interaktif menjadikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih menarik, pelajar berasa tidak mengantuk dan bosan, boleh diulang dan tidak terbatas dengan masa. Ini menunjukkan bahawa, walaupun kaedah PdP secara bersemuka merupakan kaedah yang biasa yang dihadapi oleh pelajar, namun pembelajaran secara maya menjadi alternatif baru kepada pelajar dengan syarat bahan-bahan, aktiviti dan talian yang disediakan adalah baik.

Kata kunci:

Penerimaan Pelajar, MOOC, Pendidikan Islam, Pandemik, Covid-19.

Abstract

Traditionally, face-to-face teaching and learning methods in the classroom are the main choice in the Malaysian education system either in schools or IPT. The spread of the Covid-19 pandemic has changed

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

Azarudin Awang, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun, Terengganu, MALAYSIA

*e-mel: azaru154@uitm.edu.my

the landscape of the education system in Malaysia from face-to-face to virtual learning. However, this drastic change in TnL style not only gives new challenges to lecturers but also to students. Thus, this study was conducted to see the effectiveness and acceptance of students on Islamic education courses through TnL MOOC in UiTM Terengganu when Malaysia faced the Covid-19 pandemic. This study uses a quantitative methodology with questionnaires distributed to students taking ISC 100 (Akidah Islamiyah) course. Furthermore, the data in the analysis using SPSS 22 with mean test and standard deviation to understand students' perceptions, attitudes and effectiveness towards TnL using MOOC course ISC 100. The results of the study showed that students' perceptions, attitudes and effectiveness in TnL using MOOC is high. The use of video recording applications, audio powerpoint and youtube related topics in interactive learning makes teaching and learning methods (TnL) more interesting, students do not feel sleepy or bored, repeatable and they are not time limited. This shows that, although the TnL method face to face is a common method faced by students, virtual learning becomes a new alternative for students provided the materials, activities and lines provided are good.

Keywords:

Student Acceptance, MOOC, Islamic Study, Pandemic, Covic 19.

Cite This Article:

Azarudin Awang, Ruhaizah Abd Ghani, Farah Safura Muhammad, Rubiah Abu Bakar & Noor Hasyimah Sulaiman. 2021. Analisis penerimaan pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam secara interaktif MOOC dalam suasana pandemik Covid-19. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 1-14.

Pengenalan

Formasi revolusi teknologi dalam pendidikan menggesa para pendidik untuk mengubah gaya, corak serta kaedah pengajaran dan pembelajaran agar lebih interaktif dan agresif. Perubahan dalam penggunaan bahan teknologi canggih ini menjadikan bidang pendidikan semakin maju, terus ke hadapan dan secara tidak langsung boleh meningkatkan kadar pencapaian hasil pembelajaran berbanding PdP secara tradisional. Kepelbagaiannya kaedah ini membolehkan pelajar belajar di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja tanpa bergantung sepenuhnya pada buku atau syarahan di dewan kuliah. Situasi ini akan menjadikan pelajar lebih cenderung dan berminat kepada satu-satu kursus. Kaedah MOOC juga diguna pakai dalam pelbagai disiplin ilmu dan menjadi salah satu platform terkini di peringkat pengajian tinggi khususnya kerajaan memperkenalkan pembelajaran di rumah akibat penularan pandemik Covid-19.

Konsep Pendidikan Islam

Pendidikan menjadi pamacu kepada pembangunan negara dengan peranannya sebagai agen yang merubah sikap dan tingkah laku, menambah pengetahuan dan meningkatkan sebarang bentuk kemahiran diri (Nadia dan Kamariah 2019). Dari perspektif Islam, pendidikan merupakan perkara yang amat ditekankan sehingga surah yang pertama yang diturunkan di dalam al-Quran adalah dorongan kepada penganutnya menuntut ilmu. Justeru, ulama-ulama Islam menjadikan ‘pendidikan’ sebagai perbahasan awal di dalam tulisan-tulisan mereka. Imam al-Ghazali misalnya membahaskan bab keutamaan ilmu pengetahuan dalam kitab Bimbingan

Mukmin dalam bab yang paling awal (Muhammad Jamaluddin 2002). Pendidikan Islam bukan hanya proses pemindahan informasi dari seorang guru kepada seorang murid, malah ia ini juga melibatkan proses merangka membentuk seorang insan yang cemerlang di dunia dan akhirat. Berkait dengan ini, Nur Ahyat (2017) menyatakan bahawa antara istilah bahasa Arab yang lazim merujuk kepada pendidikan Islam ialah *ta'dib* (mendidik), *ta'lim* (mengajar) dan *tarbiyah* (juga maksud mendidik). Biarpun begitu kata '*ta'dib*' adalah lebih tepat digunakan dalam konteks pendidikan Islam, karena istilah ini tidak terlalu sempit dengan sekadar hanya mengajar saja, dan tidak juga memberi maksud yang terlalu luas.

Islam merupakan al-Din yang mengandungi segala panduan untuk melindungi seluruh ruang kehidupan. Ertinya, Al-Din merupakan cara hidup yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. yang berpaksikan kepada Al-Quran dan hadith Rasulullah (Setiyawan et al. 2020). Dengan itu, Norma dan Mohd Isa (2020) menyatakan bahawa pendidikan Islam perlulah ditonjolkan sebagai al-Din iaitu maklumat disampaikan sewajarnya diaplikasi sepenuhnya oleh setiap individu Muslim yang berpegang kepada ajaran Islam. Konsep pendidikan Islam sebagai Al-Din ini juga perlulah berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta bersandarkan kepada keimanan hanya kepada Allah SWT (Zakaria et al. 2012). Oleh itu dapat dijelaskan bahawa, konsep pendidikan Islam bukan hanya untuk mempertingkatkan pemahaman terhadap sesuatu maklumat bahkan dalam masa yang sama memperkuuhkan tentang keyakinan, beramal dengan ajaran yang diperolehi dan selanjutnya menghayati ajaran tersebut secara berencana berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah.

Terdapat 3 komponen utama dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam iaitu akidah, syariat dan pembangunan akhlak yang mahmudah. Matlamat pendidikan dari perspektif Islam bukan hanya untuk melahirkan warganegara yang baik atau modal insan yang mahir, malah untuk merealisasikan kurikulum yang menyeluruh iaitu melahirkan individu Muslim yang mempunyai kekuatan ilmu, iman dan beramal soleh (Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail 2019). Untuk itu, pengajaran pendidikan Islam bukan hanya tertumpu kepada perihal agama sahaja malah menyentuh segala aspek kehidupan yang menyentuh keluarga, jiran tetangga, masyarakat, negara sehingga cara makan dan minum pun (Usiono 2017). Tuntasnya, pendidikan Islam yang berasaskan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah mengandungi unsur pengtauhidan; dan ibadah sebagai penghambaan diri kepada Allah SWT, selain membentuk karakter akhlak yang mahmudah dan dalam masa yang sama membasmikan sifat mazmumah.

Pendidikan Islam di UiTM (asalnya ITM) bermula sejak 1975 lagi dengan dikenali sebagai Tamadun Islam. Selaras dengan perubahan peningkatan taraf ITM kepada UiTM, Pendidikan Islam turut mengalami perubahan. Dengan itu, beberapa kursus baru diperkenalkan kepada pelajar, di samping kursus sedia ada dikemas dan diperkuuhkan lagi dari masa ke semasa (Baharuddin et al 2007). Di UiTM Terengganu, pembelajaran pendidikan Islam menjadi subjek teras kepada semua pelajar diploma dan ijazah dari mana-mana program. Manakala pembelajaran secara khusus ilmu-ilmu yang menyentuh pendidikan Islam ini ialah pelajar-pelajar yang mengikuti program Diploma Muamalat. Noor Afzaliza dan Maizatul (2021) menyatakan bahawa Institusi pendidikan awam dan juga swasta memainkan peranan yang penting bagi membentuk dan melahirkan pelajar yang proaktif dan berketerampilan. Untuk itu, pembangunan rohani menjadi salah satu syarat bagi memenuhi hasrat tersebut dapat disempurnakan dengan jayanya melalui pembelajaran kursus-kursus yang menyentuh pendidikan Islam.

Pandemik COVID-19 yang mula melanda negara pada penghujung Februari 2020 amat memberi kesan terhadap seluruh sistem kehidupan manusia. Segala kegiatan sosial dihentikan secara drastik apabila kerajaan Malaysia dengan rasminya mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 pada tempoh yang cukup panjang (Anas dan Irwan 2020). Bagi mengekang penularan Covid-19, sektor pendidikan seperti sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga terpaksa ditutup. Kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara bersemuka merupakan aktiviti yang lazim dilakukan di sekolah dan IPT sebelum negara berhadapan penularan Covid-19. Namun, aktiviti PdP telah berubah sepenuhnya apabila kaedah pembelajaran secara bersemuka terpaksa dihentikan dan diganti sepenuhnya menggunakan kaedah secara maya dalam tempoh pelaksanaan PKP. Justeru, platform digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom*, *Schoology* dan *Edmodo* antara kaedah pilihan yang digunakan oleh para pensyarah untuk melaksanakan (PdP) pada sepanjang tempoh pelaksanaan PKP (Muhammad Izzat et al. 2020). Malah sehingga kini, pengamalan norma baharu seperti pemakaian topeng muka dan penjarakan sosial diteruskan oleh rakyat berikut angka kes yang kian meningkat.

Konsep Pembelajaran MOOC

Massive Open Online Courses atau lebih dikenali sebagai MOOC merupakan kaedah pembelajaran secara maya yang terbuka, berlaku secara besar dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Di Malaysia, pengajian MOOC telah diperkenal dan diguna pakai mengikut perkembangan era teknologi moden seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (*IR 4.0*). Mula diperkenalkan pada September 2014 oleh Menteri Pengajian Tinggi iaitu Datuk Seri Idris Jusoh dengan sasaran awalnya, 15 % kaedah PdP di universiti awam akan menggunakan platform MOOC pada tahun 2015 dan 30% pada tahun 2020. PdP melalui kaedah MOOC ini merupakan agenda utama Kementerian ini di bawah Lonjakan 9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (*Globalised Online Learning*) di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (*The Malay Mail Online*, 2014).

Antara keistimewaan penggunaan MOOC adalah sifatnya yang mampu memenuhi keperluan kontemporari dan boleh dijalankan sebagai sebahagian daripada proses pendidikan secara teradun. Ini dapat dilihat apabila pensyarah menjadikan MOOC sebagai bentuk pembelajaran pilihan apabila tidak dapat melaksanakan kelas secara bersemuka, namun proses PdP ini masih tetap berlaku. MOOC ini membolehkan pemindahan informasi antara pensyarah kepada pelajarnya berlaku pada bila-bila masa sahaja kerana ianya boleh diakses secara atas talian. Kaedah ini juga memberi peluang kepada pelajar yang menjalankan pengajian jarak jauh. Pelajar yang mengikuti kaedah ini boleh mendaftarkan ‘kursus’ dalam MOOC, mengikutinya secara maya sahaja dan masih mampu mendapatkan informasi yang sama malah pelajar boleh meneroka lebih banyak informasi tersebut tanpa menghadirkan dirinya ke kelas secara fizikal sebagaimana lazimnya (Wang & Baker, 2014; Cole & Timmerman, 2015). Selain itu, MOOC merupakan satu kaedah PdP bahru mampu memberi solusi kepada pelajar untuk mencari kemahiran dan maklumat tambahan terhadap kursus yang dipelajari di dalam kelas. (Wang & Baker, 2015). Begitu juga, kaedah penggunaan perkhidmatan dalam talian ini mampu mengurangkan keperluan bersemuka sebagaimana lazim berlaku dalam kaedah sebelumnya.

Justeru, para pelajar dapat menjimatkan masa terutama berhadapan dengan kesibukan dan kekangan tugas yang lain (Syafila & Siti Zobidah, 2021).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, memberi fokus agar ‘Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia’. Gagasan ini menjadikan teknologi pendidikan sebagai teras utama dalam sistem pendidikan Malaysia pada masa hadapan. Kadar kepenggunaan internet yang sangat tinggi dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia juga sekaligus telah memartabatkan kaedah pembelajaran maya global. (Nabila Atika et al. 2017). Justeru, pendekatan MOOC ini dalam PdP merupakan satu bentuk inovasi yang boleh diaplikasikan dan direalisasikan seiring dengan anjakan sebagaimana yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang kelapan.

Di UiTM, pembangunan MOOC bermula pada tahun 2015 dan dalam tempoh 3 tahun sebanyak 600 kod kursus berjaya dilakukan PdP berasaskan MOOC. *U-Future* merupakan platform yang menguruskan e-pembelajaran di UiTM sebagai pendekatan PdP baru berasaskan kaedah semasa. Empat aspek yang dibekalkan dalam MOOC ialah maklumat kursus, bahan pembelajaran, aktiviti yang dijalankan dan penilaian kursus selari dengan keperluan kaedah pembelajaran teradun (*Blended Learning*) sebagaimana yang dinyatakan dalam agenda e-pembelajaran Nasional. Secara umumnya MOOC UITM dihubungkan dengan Sistem Akademik Bersepadu UITM antara pelajar dan pensyarah. Pelajar dan pensyarah boleh mengakses MOOC berdasarkan senarai pendaftaran kursus mereka. Pada masa yang sama, pensyarah boleh memuat naik dan mengemas kini bahan pembelajaran dan maklumat mengenai kursus. Manakala pada sepanjang semester, sebahagian besar aktiviti pembelajaran yang melibatkan pelajar dan pensyarah adalah dilakukan melalui MOOC. MOOC boleh diakses melalui mana-mana penyemak imbas dan aplikasi mudah alih melalui aplikasi mudah alih *open learning* (Mohd Zaki et al. 2020).

Berdasarkan pelan pengajian program Diploma Muamalat, kod ISC 100 (Akidah Islamiyah) merupakan salah satu kursus yang wajib diambil dan dimestikan lulus oleh pelajar-pelajar tahun satu yang mengikuti program ini di UiTM Terengganu. MOOC bagi kod ISC 100 (Akidah Islamiyah) ini dibangunkan mengandungi 7 topik utama berdasarkan silibus yang diberikan. Dalam aktiviti pembelajaran melalui MOOC, pelajar disediakan dengan bahan pengajaran, video, aktiviti melalui kuiz, permainan, teka silang kata dan sebagainya; penilaian, bacaan tambahan dan maklum balas pelajar. Mengambil kira, para pelajar kadang kalanya berhadapan dengan masalah talian atau para pensyarah terlibat dengan aktiviti, justeru antara kelebihan PdP melalui MOOC ISC 100 ini ialah pelajar dan pensyarah boleh melakukan kelas secara maya, boleh dilakukan di mana-mana tempat dan pelajar mudah melakukan pengulangan.

Permasalahan Kajian

Penyampaian pendidikan Islam lazimnya dilaksanakan dalam bentuk bersemuka misalnya melalui ceramah, diskusi dan soal jawab, atau dalam bentuk semasa seperti melakukan eksperimen, tugas dan demonstrasi, bimbingan tutorial dan pemecahan masalah (*problem solving*) (Nur Ahyat 2017). Biarpun begitu keberkesanan terhadap kefahaman dan penghayatan pendidikan Islam ini banyak berhubung kait dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP)

yang dilakukan. Berkait dengan ini, Noraini et al. (2014) menyatakan bahawa sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru menghubungkan kaedah mengajar dengan objektif dan gaya pembelajaran. Oleh itu, keteguhan penghayatan agama seseorang Muslim mempunyai hubungan yang rapat dengan keberkesanan pendidikan Islam yang diperolehi. Dalam masa yang sama, guru berperanan sebagai agen pendidik memerlukan sifat dan sikap ‘hidup’ sebagai pembawaan informasi yang jelas untuk dihayati oleh para pelajar di sekolah.

Fadzliyah et al., (2020) menyatakan bahawa bagi meningkatkan kecemerlangan pelajar, pendidik perlu mengaplikasikan teknologi dalam PdP yang meliputi aspek perancangan dan kaedah pedagogi yang digunakan. Namun, pelaksanaan kelas pembelajaran secara *online* dengan mengejut dan terpaksa, menyebabkan para pendidik dan pelajar berhadapan pelbagai masalah misalnya persediaan dan keupayaan menggunakan teknologi maklumat, kaedah pengajaran yang hendak diguna pakai, masalah talian dan persediaan mental dan sebagainya. Rosnijah dan Adawiyah (2019) menyatakan bahawa ‘penghayatan agama’ seorang pelajar itu adalah cerminan dan gambaran terhadap keberkesanan didikan yang diterima sebelum pelajar tersebut meningkat dewasa atau pada ketika proses mereka sedang membesar. Revolusi terhadap kaedah penyampaian pendidikan Islam perlu dilakukan bagi memastikan maklumat pengajaran yang disampaikan kepada pelajar dapat diterima dengan baik khususnya apabila kerajaan memperkenalkan pembelajaran secara *online* ketika negara berada dalam situasi pandemik Covid-19. Justeru, kajian ini melakukan penelitian terhadap kaedah pembelajaran menggunakan *Massive Open Online Courses* (MOOC) terhadap salah satu kursus pendidikan Islam iaitu ISC100 (Akidah Islamiyah).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Melihat persepsi dan sikap pelajar terhadap PdP pendidikan Islam secara maya menggunakan MOOC ketika negara berhadapan pandemik Covid-19
- ii. Melihat keberkesanan kursus pendidikan Islam melalui PdP MOOC di UiTM Terengganu semasa negara berhadapan pandemik Covid-19

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif melalui edaran borang soal selidik. Kajian ini membabitkan pelajar yang sedang mengikuti pengajian Diploma Muamalat di Universiti Teknologi Mara Cawangan Terengganu. Populasi terdiri daripada 95 orang responden yang mengikuti kursus ISC100 yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan dan kawasan. Berdasarkan Cohen et al. (2000) sekiranya populasi sampel 95 orang saiz sampel yang mencukupi berjumlah 76 orang. Namun saiz sampel yang diperolehi oleh penyelidik melebihi sasaran iaitu berjumlah 92 orang. Kebolehpercayaan instrumen menjadi petunjuk kepada konsistensi atau kestabilan skor-skor sesuatu instrumen (Ananda, 2007). Ujian kebolehpercayaan ke atas item-item berkaitan persepsi dan sikap pelajar terhadap sesi pembelajaran secara MOOC menunjukkan bahawa keputusan *Cronbach's Alpha* adalah 0.766

dan 0.895. Menurut Sekaran (2005) dan Pallant (2007), semakin hampir *reliability coefficient* kepada 1.0, kebolehpercayaannya juga adalah lebih tinggi.

Menurut Cohen et al. (2000), skala Likert sesuai digunakan bagi mengukur tentang pandangan responden dalam aspek tertentu tentang suatu amalan, persepsi dan sikap. Dalam instrumen kajian yang dijalankan ini, responden diminta untuk memilih jawapan dengan menandakan salah satu pilihan jawapan dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan terhadap nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga Sangat Setuju (5). Kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif yang merangkumi paparan data yang berkait dengan nilai-nilai tertentu dalam bentuk angka seperti nilai maksimum, minimum, purata (min), mod, sisihan piawai dan sebagainya. Data kajian ini dianalisis berdasarkan skor min. Interpretasi bagi skor min boleh dilihat dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 1: Interpretasi skor min setiap item

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.33	Tahap Rendah
2.34-3.66	Tahap Sederhana
3.67-5.00	Tahap Tinggi

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Latar Belakang Responden

Hasil daripada kutipan borang soal selidik yang diedarkan, jumlah data yang dianalisis adalah sebanyak 92. Kategori jantina menunjukkan responden lelaki seramai 27 orang (27.2%) dan perempuan pula seramai 67 orang (72.8%). Manakala umur majoriti responden adalah 18 tahun iaitu sebanyak 80.4% (67 orang) dan 16.3% pula adalah responden berusia 19 tahun (15 orang). Dari segi keberadaan responden pula, majoriti berada di rumah masing-masing disebabkan penularan Covid-19. Sebanyak 85.9% berada di rumah dan hanya 14.1 peratus yang berada di asrama kerana capaian internet di asrama lebih baik. Pelajar yang tinggal di bandar berjumlah 55 orang (59.8%) manakala pelajar yang tinggal di luar bandar berjumlah 37 orang (40.2%). Majoriti daripada pelajar menggunakan aplikasi komputer riba sebagai peranti untuk pembelajaran iaitu berjumlah 73 orang (79.3%) manakala 19 orang pelajar (20.7%) menggunakan aplikasi telefon mudah alih. Maklumat latar belakang responden ini ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Demografi Responden

Demografi	Kategori	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	26	27.2
	Perempuan	67	72.8
Umur	18 tahun	74	80.4
	19 tahun	15	16.3
	20 tahun	1	1.1
	21	1	1.1
	Tidak menyatakan umur	1	1.1
Keberadaan	Asrama	13	14.1
	Rumah	79	85.9
Lokasi	Bandar	55	59.8
	Luar Bandar	37	40.2
Peranti yang digunakan	Telefon Mudah alih	19	20.7
	Komputer Riba	73	79.3

Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran MOOC

Pendekatan MOOC juga sesuai bagi pelajar separuh masa iaitu kepada mereka yang bekerja sambil belajar, yang sudah berkeluarga dan mempunyai komitmen yang tinggi. Menurut Baraibar (2015) pula, MOOC merupakan satu sistem sokongan kepada pembelajaran tradisional, bukan untuk menggantikannya secara langsung. Berdasarkan jadual 3 di bawah, hasil analisis data mendapati pelajar lebih selesa mengikuti kelas secara bersemuka apabila min 3.82 menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan pembelajaran secara MOOC yang hanya mencatat min 3.40 sahaja.

Hasil kajian selanjutnya mendapati pelajar mengakui, pembelajaran melalui MOOC mampu mengukur kefahaman, memberi pemarkahan yang standard, video-video yang diselitkan berkait dengan tajuk, bahan yang diberikan mengikut silibus kursus dan lengkap; dan mudah diakses dengan internet. Kesemua item persepsi pelajar terhadap soalan-soalan ini berada pada tahap skor min yang tinggi iaitu diantara julat 3.87 hingga 4.36. Keseluruhananya persepsi pelajar terhadap sesi pembelajaran secara MOOC adalah sangat positif. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Taburan skor min persepsi pelajar

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Bersemuka lebih Selesa	3.82	.69	Tinggi
MOOC lebih Selesa	3.40	.65	Sederhana
Penilaian Ukur kefahaman	3.99	.52	Tinggi
Pemarkahan Standard	3.87	.58	Tinggi

Video berkait Tajuk	4.33	.56	Tinggi
Bahan Ikut silibus	4.32	.57	Tinggi
Bahan Lengkap	4.36	.59	Tinggi
Mudah diakses dengan internet	3.71	.69	Tinggi

Berkait dengan ini, penggunaan e-pembelajaran ini dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia misalnya, merupakan satu kaedah yang telah menjadi keperluan kerana melalui teknologi internet, bahan kursus, contoh latihan atau cara kerja yang efektif dapat disebarluaskan serta dipersembahkan dengan lebih mudah, berkesan serta meluas (Bronack S. C. and Kilbane, 1998). Justeru, bagi pihak pendidik pula, MOOC memberi ruang kepada pelajar mengakses sumber rujukan yang luas dan pengalaman ini dapat menggalakkan pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar. Menurut Sellingo (2014), perlu mempunyai pengetahuan asas kepada kursus yang hendak dipilih, pelajar juga perlu mempunyai akses kepada komputer yang dilengkapi dengan jaringan internet yang baik. Berdasarkan kajian, majoriti pelajar dapat mempunyai akses internet yang baik ketika melakukan pembelajaran secara MOOC.

Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran MOOC

Selanjutnya para pelajar ditanya soalan-soalan yang menyentuh sikap mereka terhadap sesi pembelajaran secara MOOC. Hasil dapatan menunjukkan pelajar mengakui bahawa kaedah pembelajaran MOOC sangat menarik dan menjadikan mereka lebih aktif adalah tinggi apabila masing-masing nilai min yang diperolehi 4.05. Begitu juga dengan soalan-soalan yang lain iaitu MOOC merupakan satu kaedah pembelajaran yang kreatif, bahan PdP yang menarik, mampu meningkatkan kefahaman mereka dan sesuai digunakan pada masa kini menunjukkan darjah persetujuannya adalah tinggi apabila skor min yang diperolehi pada julat 4.02 hingga 4.12. Justeru, hasil dapatan yang dipaparkan dalam jadual 4 di bawah menjelaskan sikap pelajar terhadap sesi pembelajaran secara MOOC amat positif.

Jadual 4: Taburan skor min sikap pelajar

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
MOOC lebih menarik	4.05	.59	Tinggi
Pendekatan buat saya lebih aktif	4.05	.59	Tinggi
MOOC suatu yang kreatif	4.02	.66	Tinggi
Bahan PdP yang lebih menarik	4.12	.61	Tinggi
Kefahaman lebih meningkat dengan MOOC	4.03	.54	Tinggi
Kaedah MOOC lebih sesuai pada alaf ini	4.02	.69	Tinggi

Nabila Atika et al. (2017) menyatakan bahawa penggunaan MOOC secara melebar dan telah memberi ruang kepada semua untuk meneroka ilmu pengetahuan tanpa sempadan kerana iaanya percuma sekaligus memberikan impak yang positif terutamanya dalam proses pembelajaran. Kaedah pembelajaran yang kreatif dengan penggunaan bahan-bahan yang menarik mampu menarik minat pelajar dan dalam masa yang sama dapat menambah nilai dalam proses PdP. Sebagai contoh Jurado dan Rodriguez (2018) telah mengkaji pendekatan *gamifikasi* iaitu kaedah pembelajaran *gamers* dan mendapati pelajar bermotivasi untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran pada tahap *level* yang lebih tinggi kerana mereka ingin mengetahui sesuatu yang baru. Berkait dengan ini, Baraibar (2015) mendapati bahawa pelajar lebih gemar menonton video dan menjawab kuiz berbanding membaca teks nota. Pelajar juga menyiapkan tugas untuk mendapatkan sijil, dan sekali-sekala menyertai perbincangan berkumpulan atau ruangan *chat* yang kesemuanya dilakukan secara maya.

Keberkesanan Pembelajaran Menggunakan MOOC

Soalan selanjutnya, pelajar ditanya tentang keberkesanan pembelajaran MOOC kepada pelajar terhadap soalan menjadikan mereka lebih komited, dapat mengulang video dan mengulangkaji dengan lebih kerap kali, MOOC dapat mempertingkatkan ilmu, menjadikannya lebih bermotivasi untuk mengikuti kelas dan lebih kritis. Hasil kajian mendapati terhadap keberkesanan pembelajaran pelajar yang mengikuti MOOC kursus ini juga berada pada tahap yang tinggi di mana 5 item berada pada julat nilai 3.73 hingga 4.15 seperti yang dipaparkan dalam jadual 5 di bawah. Hanya satu item sahaja berada pada tahap sederhana iaitu item tentang ulangkaji yang dilakukan menggunakan MOOC adalah lebih kerap.

Jadual 5: Taburan Skor min keberkesanan pelajar

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Komitmen yang baik	4.15	.53	Tinggi
Ulangi menonton video	3.95	.64	Tinggi
Ulangkaji lebih Kerap	3.49	.73	Sederhana
Penambahan Ilmu	3.75	.72	Tinggi
Lebih bermotivasi	3.73	.66	Tinggi
Lebih Kritis	3.80	.58	Tinggi

Sokolik & Zemach (2016) dan Porter (2015), pembelajaran secara MOOC berbeza dengan kaedah secara tradisional. Pelaksana pembelajaran MOOC tidak menghadkan bilangan pelajar, dijalankan secara terbuka dan percuma, dilakukan atas talian namun pembelajarannya dilakukan secara terancang. Berdasarkan hasil dapatan, keseluruhannya domain afektif pelajar berada pada tahap yang sangat positif. Kesukaran untuk bersemuka dengan guru ketika negara dilanda pandemik Covid-19 menjadikan kaedah maya ini pilihan terbaik kepada pelajar bahkan lebih menjimatkan. Justeru, Sellingo (2014) menjelaskan kaedah pembelajaran MOOC lebih digemari oleh pelajar berbanding pembelajaran tradisional kerana kos yang dikenakan seperti yuran yang tinggi dan faktor geografi di mana terdapat kesukaran untuk menghadiri kelas yang

agak jauh dari tempat tinggal. MOOC juga dapat menghubungkan pelajar dengan guru-guru pakar yang tidak dibataskan oleh faktor geografi sahaja (Smith, 2014). Hasil dapatan di atas menunjukkan populariti pembelajaran MOOC bagi kursus Akidah Islamiyah ini adalah tinggi kerana faktor mudah diakses dan pengisian bahan-bahan yang cukup menarik. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Baraibar (2015) yang mendapati bahawa pembelajaran MOOC menjadi sangat popular dalam kalangan pelajar disebabkan oleh reka bentuk yang mesra pengguna dan mudah diakses. Pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang memenuhi keperluan pekerjaan atau berdasarkan minat.

Analisis Perbandingan menggunakan Ujian Mann-Whitney U

Berdasarkan taburan yang tidak normal, ujian yang sesuai bagi menguji perbandingan di antara dua sampel bebas adalah Ujian Mann-Whitney U. Analisis ujian Mann-Whitney U dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan persepsi, sikap dan keberkesanan pelajar terhadap pembelajaran secara MOOC berdasarkan kepada kumpulan jantina. Berdasarkan kepada data statistik dalam jadual 6 di bawah, perbezaan skor persepsi dan sikap terhadap pembelajaran secara MOOC berdasarkan kumpulan jantina diuji dengan menggunakan ujian Mann Whitney U. Keputusan analisis data ujian Mann-Whitney U seperti dalam jadual di bawah menunjukkan bahawa wujud perbezaan persepsi dan sikap kumpulan lelaki dan perempuan. Nilai p pada kedua-duanya adalah signifikan kerana nilai $p \leq 0.5$. Keputusan ujian data kajian bagi skor persepsi ($z = -2.124$, $p=.034$) adalah signifikan pada aras $p < .05$, dan bagi skor sikap pula ($z= -.815$, $p=.417$). Manakala ujian Mann-Whitney U pada skor afektif adalah tidak signifikan kerana nilai $p = .83$ iaitu lebih besar dari 0.5.


Jadual 6: Keputusan Ujian Mann-Whitney U bagi Persepsi, Sikap dan Afektif terhadap MOOC

	Skor terhadap MOOC	Persepsi MOOC	Skor Sikap terhadap MOOC	Skor Afektif terhadap MOOC
Mann- Whitney U	601.500		748.500	813.000
Wilcoxon W	926.500		1073.500	1138.000
Z	-2.124		-.812	-.217
Asymp. Sig (2 Tailed)	.034		.42	.83

Keputusan analisis ujian Mann-Whitney U disokong dengan nilai min pangkatan menunjukkan wujud perbezaan pada skor persepsi dan sikap terhadap pembelajaran secara MOOC dalam kalangan responden lelaki dan perempuan. Berdasarkan kepada jadual 11 di bawah, nilai min pangkatan skor persepsi dalam kalangan responden perempuan (49.2) dan nilai min pangkatan skor sikap responden perempuan (48.5) adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai min pangkatan bagi responden lelaki. Nilai-nilai ini menunjukkan persepsi dan sikap responden perempuan terhadap pembelajaran secara MOOC adalah lebih positif. Secara

asasnya implementasi pelaksanaan PdP MOOC bagi kursus ISC 100 yang dijalankan adalah sebagaimana berikut:

Rajah 1: Implementasi MOOC ISC 100



Kesimpulan

Pandemik Covid-19 yang berlaku ke seluruh dunia mendesak bagi membangunkan sistem teknologi maklumat dengan pantas dan efektif dalam norma baru kehidupan manusia. Dalam suasana negara dilanda pandemik Covid-19, pendidikan maya memberi alternatif bagi pensyarah khususnya melalui MOOC meneruskan proses penyaluran ilmu kepada pelajar. Penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara atas talian melalui MOOC pendidikan Islam kursus ISC 100 Akidah Islamiyyah di UiTM adalah tinggi. Ini dibuktikan melalui hasil dapatan menunjukkan purata item persepsi, sikap dan keberkesanannya pelajar dalam PdP melalui MOOC berada dalam melebihi mata skor 3.67. Perolehan mata skor yang tinggi dalam kalangan pelajar dalam PdP pendidikan Islam menjelaskan bahawa kaedah pengajian melalui MOOC akan menjadi pilihan selari perkembangan revolusi industri 4.0. Kajian ini penting kerana ia memberi maklum balas terhadap pihak yang terlibat dengan pendidikan tentang kesediaan dan keupayaan pelajar mengikuti kelas berdasarkan pendidikan secara terbuka (*Open Distance Learning*) khususnya dalam bidang yang berkait dengan pendidikan Islam.

Rujukan

- Anas Mohd Bhukhari dan Irwan Mohd Subri. 2020. Mendepani Cabaran Pandemik Covid-19 di Malaysia: Aplikasi Konsep Murunah Dalam Fiqh Ibadah. *International Journal of Academic Research*, 9(1), 11-23.
- Andrew W. C. & C. E. Timmerman. 2015. What Do Current College Students Think about MOOCs?. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*. 11(2), 188-201.

- Baharuddin Sayin, Muhamad Rahimi Osman, Hasan Bahrom, Ezani Yaakub & Mohd Nor Mamat. 2007. *Impak Pembelajaran Kursus Pendidikan Islam Terhadap Pelajar UiTM*. Institut Pembangunan Penyelidikan.
- Baraibar, S.M. 2015. MOOCs and Adult Language Learners. In Pixel (Ed.). *ICT for Language Learning. Prosiding Seminar*, Florence, Italy. 12-13 November 2015.
- Bronack S. C. & Kilbane, C.R. 1998. CaseNET: Teaching Decisions Via a Web-Based Learning Environment. Paper presented at the annual meeting of the Society for Information Technology and Education, Washington, D.C. -23.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison K. 2000. Research Methods in Education (5th Edition). Routledge Falmer.
- Ebrahim, P., Mohamed, A.E., & Norazah, N. 2019. Are Students Ready for MOOCs? In Mohamed, A., Mohamed, A.E., & Helmi, N. (Ed.). *The Impact of MOOCs on Distance Education in Malaysia and Beyond*. New York.
- Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof. 2020. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. 3(4), 151-162.
- Jurado, F. & Rodriguez, P. 2018. The Learning Styles of Gamers: Exploring a Multidimensional Profile Aimed at Gamifying MOOCs. Dalam Queirós, R. (Ed.) *Emerging Trends, Techniques, and Tools for Massive Open Online Course (MOOC) Management*. IGI Global.
- Michael A Kerrison, Julia Leong Son, Barney Grainger, Caroline Tutty. 2016. Massive Open Online Courses (Moocs) And Their Role in Promoting Continuing Education. *International Journal of Continuing Education and Lifelong Learning*. 8(2), 106-127.
- Mohd Zaki Awang Chek, Isma Liana Ismail & Nur Faezah Jamal. 2020. Learning Actuarial Mathematics Through UITM Future MOOC. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 2 (6), 8-13.
- Muhammad Izzat Mailis Zuriani Hanim Zaini Nur Hafizaliyana Hassan. 2020. Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19. *Kesidang Journal*, 5, 88-99.
- Nabila Atika Razali, Helmi Norman, Mohd Jasmy Abd Rahman & Nur Atika Jamiluddin. 2017. Pendekatan Pembelajaran Dalam Persekutuan Massive Open Online Courses Bagi Peringkat Pengajian Tinggi. *Seminar Serantau*, 661-669.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim Maizatul Haizan Mahbob. 2021. Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 209-226
- Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah. 2014. Kepelbagai Elemen Budaya Dalam Pengajaran Pendidikan Islam: Isu Dan Kepentingan. *The Online Journal of Islamic Education*, 3 (Special Issues), 1-11.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. 2020. Kemahiran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. *International Journal of Educationand Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Nur Ahyat. 2017. Metode Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. Edusiana: *Jurnal Manajemen dan Pendidikan Islam*, 4(1), 24-31.

- Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. 2002. Bimbingan Mu'minin Pada Mencari Redha Rabbil 'Alamin oleh Imam Ghazali. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Pustaka Nasional PTE LTD.
- Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail. 2019. Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah*, 11(1), 74-87.
- Syafila Kamarudin & Siti Zobidah Omar. 2021. Faktor Peramal Penerimaan Perkhidmatan e-Kerajaan. *Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 1-27.
- Sellingo, J. 2014. *MOOC U: Who Is Getting the Most Out of Online Education and Why*. Simon & Schuster e-Book.
- Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid & Nur Mohammad Hadi Zahalan. 2020. Konsep Harmoni Yang Dinamik Dalam Kehidupan Beragama Di Malaysia Melalui Pendekatan Maqasid Syariah. *Jurnal Al-'Abqari. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23(2), 157-166.
- Smith, J. 2014. Entrepreneurial Music Education. In Kaschub, M. & Smith, J. *Promising Practices in 21st Century Music Teacher Education*. Oxford University Press.
- Sokolik, M. & Zemach, D. 2016. *How to Be a Successful MOOC Student*. USA: Wayzgoose Press.
- The Malay Mail Online*. September 19, 2014. Malaysia First to Implement Open Online Courses for Public Universities. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2014/09/19/malaysia-first-to-implement-open-online-courses-for-public-universities/748351>. Dicapai pada 15 Januari 2021
- Usiono. 2017. Potret Rasulullah Sebagai Pendidik. *Jurnal Ansirun*, 1(1), 202-218
- Yuan Wang dan Ryan Baker. 2015. Content or Platform: Why do students complete MOOCs?. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 11(1), 1-18.
- Zahari Hamidon. 2014. Tahap Pengekalan, Enrolmen Dan Proses Pembelajaran Dalam Kursus MOOC: Satu Tinjauan Awal. Presented in *Seminar Kebangsaan Sepanjang*, Dewan Tun Hussein Onn, PWTC, KL Ministry of Education Malaysia & OUM.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. 2012. Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 7-22.